

04/03/1997

Kempen menanam pokok bermula

KUALA LUMPUR, Isnin - Beberapa negeri melancarkan Kempen Menanam Pokok selaras dengan pelancaran program berkenaan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Pemimpin negeri memberi jaminan akan menanam lebih banyak pokok di kawasan masing-masing selaras usaha menjadikannya `Negeri Dalam Taman'.

Di JOHOR BAHRU: Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata beliau mahu semua lapisan rakyat bekerjasama menghijaukan bandar dan pekan kecil di seluruh negeri dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Di KUALA KEDAH: Menteri Besar, Datuk Seri Sanusi Junid berkata, Kedah akan muncul sebagai `Negeri dalam Taman,' dalam tempoh lima tahun akan datang berdasarkan usaha kerajaan negeri menggalakkan anggota masyarakat menanam lebih banyak pokok di persekitaran rumah mereka.

Di KUALA TERENGGANU: Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad berkata kerajaan negeri sudah meminta setiap daerah di negeri ini menanam pokok di sepanjang jalan raya.

Sebagai contoh, katanya, daerah Hulu Terengganu boleh menanam pokok rambutan bagi memperkenalkan daerah itu dengan tanaman berkenaan, begitu juga daerah lain boleh memilih pokok yang difikirkan sesuai.

Di IPOH: Perak dijangka menanam 300,000 pokok, terutama di kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan (PBT) menjelang 2020 bagi mencapai hasrat mewujudkan bandar dalam taman.

Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib, berkata semua pihak perlu menunjukkan komitmen mereka dengan bekerjasama menanam pokok di kawasan lapang.

(END)